

1984
KUALA LUMPUR, 13 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAM INI IMPIAN MEMUJUDKAN MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG BERJAYA, DIHORMATI DAN BERMARUAH BUKAN SATU IMPIAN YANG ABSTRAK.

PERDANA MENTERI BERKATA IA SEBENARNYA AOALAH SATU HAKIKAT YANG PERLU DIBINA DAN DIPUPUK SEHINGGA MENJADI KENYATAAN.

BERUCAP DI MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM SEMPENA PERAYAAN JUBLI PERAK INSTITUSI JURUTERA MALAYSIA (IEM) DI SINI BELIAU BERKATA UNTUK MENCAPI CITA-CITA INI, SEGALA ILMU DAN KEPAKARAN DAN TEKNOLOGI PERLU DIERA RPT DIKERAHKAN.

DALAM HUBUNGAN INI, BELIAU MENEGASKAN BETAPA PERLUNYA NEGARA INI BUKAN SAJA MEMPELAJARI TEKNOLOGI DARI ORANG LAIN, MALAH PERLU SANGGUP BERUSAHA SEDAYA UPAYA UNTUK MENGUASAI TEKNOLOGI YANG DIPERLUKAN.

MEMPELAJARI TEKNOLOGI DARI NEGARA LAIN BUKAN BERMAKNA KITA MUNDUR ATAU TIDAK BEBAS ATAU SATU PERKARA YANG HINA.

BELIAU MENINGATKAN BAHAWA TIDAK ADA SATU NEGARA ATAU SATU BANGSA YANG MENGUASAI SEMUA TEKNOLOGI YANG WUJUD DI DUNIA INI. --LAGI 1852/AJ
ZCZC 0654

MAHATHIR-IMPIAN 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

BAGI NEGARA YANG TERMAJU SEKALIPUN, KATANYA, AO TEKNOLOGI YANG IA TIDAK KUASAI DAN TERPAKSA MEMPEROLEHINYA OARS NEGARA LAIN.

PENDEK KATA NEGARA-NEGARA DI DUNIA ADALAH SALING BERGANTUNG DARI SEGI TEKNOLOGI, TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGULAS TENTANG KELUHAN-KELUHAN MENGENAI KEENGGANAN PIHAK ASING MEMINDAHKAN TEKNOLOGI MEREKA KEPADA RAKYAT NEGARA INI DAN MENUOUIH KONONNYA PIHAK-PIHAK ITU TIDAK JUJUR DALAM PEMINDAHAN TEKNOLOGI ATAU TIDAK MAHU MEMINDAHKAN TEKNOLOGI ITU DENGAN SEPENUHNYA.

KEPADA KELUHAN-KELUHAN ITU, BELIAU BERKATA RAKYAT ADALAH BERSIKAP LEMAH JIKA PERCAYA BAHAWA ORANG LAIN AKAN MEMINDAHKAN TEKNOLOGI MEREKA DENGAN SEPENUHNYA.

JIKA KITA MEMPUNYAI TEKNOLOGI, KITA JUGA TIDAK AKAN BERMINAT MEMINDAHKAN SEPENUHNYA. KENAPAKAH KITA BOLEH PERCAYA BAHAWA KITA BERHAK MENDAPAT DENGAN SEPENUHNYA TEKNOLOGI ORANG LAIN, TEGASNYA. --LAGI 1855/AJ

ZCZC 0655

MAHATHIR-IMPIAN 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA WALAUPUN NEGARA-NEGARA MAJU TIDAK BERMINAT UNTUK MEMINDAHKAN SEPENUHNYA TEKNOLOGI MEREKA, NAMUN PEMINDAHAN TEKNOLOGI TETAP BERLAKU.

INI TERBUKTI KERANA BEBERAPA BUAH NEGARA YANG OAHULUNYA TIDAK MEMPUNYAI TEKNOLOGI, SEKARANG SUDAH PUN MENGUASAI BERBAGAI-BAGAI TEKNOLOGI DAN MENCAPI KEMAJUAN.

MENYEBUT KOREA SELATAN, TAIWAN, HONG KONG DAN SINGAPURA SEBAGAI CONTOH, PERDANA MENTERI BERKATA NEGARA-NEGARA ITU KINI MEMILIKI TEKNOLOGI YANG DIPEROLEHI OARLFADA NEGARA-NEGARA MAJU DAN BERJAYA MENGGUNAKANNYA UNTUK BERSAING DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU.

DENGAN PERKATAAN LAIN, NEGARA-NEGARA INI BERJAYA MENDAPAT TEKNOLOGI DARI ORANG LAIN DAN MENGGUNAKANNYA DENGAN BERKESAN. SOALNYA MENGAPA MALAYSIA BEGITU SUKAR MENOAPAT TEKNOLOGI? APAKAH ADA DISKRIMINASI TERHADAP MALAYSIA? TANYA, BELIAU.

BELIAU BERPENDAPAT TIDAK ADA DISKRIMINASI TERHADAP MALAYSIA DAN TIDAK ADA SEBAB MENGAPA DISKRIMINASI PATUT WUJUD.

JIKA KITA KAJI DIRI KITA SENDIRI, KITA AKAN DAPATI SEBABNYA KITA SUKAR MENDAPAT TEKNOLOGI ORANG, TAMBAHNYA. --LAGI 1858/AJ

MAHATHIR-IMPINAN 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI MEMBERI DUA SEBAB MENGAPA MALAYSIA SUKAR MENDAPAT TEKNOLOGI ASING.

YANG PERTAMA, SIKAP RAKYAT YANG TIDAK SANGGUP MEMBELI TEKNOLOGI JIKA HARGANYA MAHAL MENGIKUTI TAKSLRAN MEREKA DAN YANG KEDUA SIKAP RAKYAT MAHU SUPAYA TEKNOLOGI L T U DISERAH ATAS TALAM EMAS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SESUATU TEKNOLOGI ITU DIANGGAP MAHAL JIKA IA HENDAK DIGUNAKAN SECARA TERHAD, UMPAMANYA UNTUK PASARAN DA & M NEGERI SAJA, YANG BERMAKNA KEUNTUNGAN YANG DIPEROLEHI TIDAK MENCUKUPI UNTUK MEMBIAYAI HARGA TEKNOLOGI YANG TINGGI.

''KAEDAHNYA SAMA DENGAN MEMBELI KAPAL TERBANG JENIS BOEING 747 UNTUK PENERBANGAN DARI KUALA LUMPUR KE KUANTAN,'' KATANYA.

BELIAU JUGA MENEGUR SIKAP RAKYAT YANG MAHUKAN SEMUA TEKNOLOGI TANPA MENYOAL, MENYELIDIK, MENKAJI DAN MENGIKUTI SEGALA-GALA YANG ADA KAITAN DENGAN PENGUASAAN TEKNOLOGI YANG DIMINATI.

DALAM BIDANG BINAAN, MISALNYA, BELIAU BERKATA KERAJAN MENUNTUT SUPAYA PIHAK PEMBINA JEPUN MELATIH AHLI-AHLI PROFESIONAL DAN TIDAK PROFESIONAL DARI NEGARA INI OALAM SEMUA BIDANG DARIPADA PENGGUNAAN ''RANGKA KELULI'' HINGGA KE PENGURUSAN PROJEK. --LAGI 1905/AJ

ZCZC 8657

MAHATHIR-IMPINAN 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

MALANGNYA, KATA DATUK SERI O R . MAHATHIR, TIDAK RAMAI ORANG MALAYSIA YANG BERMINAT DAN SEMUA MEMBERIALASAN TIDAK AOA MASA DAN ADA PULA YANG BERKATA TIDAK ADA PA YANG HENDAK DIPELAJARI.

''TETAPI HINGGA SEKARANG TIDAK ADA SYARIKAT 100 PERATUS MILIK RAKYAT MALAYSIA YANG BOLEH MENGGUNAKAN PEMBINAAN RANGKA KELULI UNTUK MEMBINA BANGUNAN SEBESAR DAYABUMI OALAM MASA YANG SINGKAT SEBAGAI SYARAT YANG DIKENAKAN.

''AKIBATNYA PELUANG MENDAPAT TEKNOLOGI SUDAH TERLEPAS KERANA KITA SEMUA TERLALU SIBUK ATAU TERLALU ANGKUH UNTUK MEMPELAJARI DARIPADA ORANG LAIN,'' TEGASNYA.

PEROANA MENTERI BERKATA HA; YANG SAMA JUGA BERLAKU DI BIDANG-BIDANG YANG LAIN.

INI BERBEZA DENGAN NEGARA HONG KONG, TAIWAN, DAN KOREA SELATAN YANG RAKYATNYA DAPAT MENIRU DAN MEREKA-BENTUK BERMACAM-MACAM BARANG TERMASUK KOMPUTER DENGAN MENGGUNAKAN MIKROCHIP DAN KOMPONEN ELEKTRONIK AM.

BELIAU SEDIH KERANA WALAUPUN MALAYSIA MENJADI PENGELUAR MIKROCHIP YANG TERBESAR DIDUNIA, TIDAK ADA PENGUSAHA TEMPATAN YANG MENGGUNAKAN BAHAN ITU UNTUK SEBARANG BAHAN KELUARAN. --LAGI 1910/AJ

ZCZC 8658

MAHATHIR-IMPINAN 6 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

''BAHKAN TIDAK ADAPUN PERUSAHAAN TEMPATAN YANG BOLEH MEMBEKALKAN PERUSAHAAN MIKROCHIP KEPUNYAAN SYARIKAT ASING DENGAN BERMACAM-MACAM KEPERLUAN ASAS MEREKA.

''BAGAIMANAKAH HONG KONG, TAIWAN DAN KOREA SELATAN BOLEH MEMPEROLEHI TEKNOLOGI DAN KITA TIDAK?'' TANYA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGATKAN BAHAWA RAKYAT TIDAK BOLEH MENYALAHKAN ORANG LAIN BILA TIDAK MENDAPAT TEKNOLOGI MEREKA.

PANDANGLAH JUGA KEPADA DIRI SENDIRI. APA KAW YANG KITA TELAH USAHAKAN UNTUK MENDAPAT TEKNOLOGI?

''APAKAH KITA SENDIRI SUDAH MENGAOAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN UNTUK PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN YANG MENCUKUPI?'' TANYA BELIAU. --BERNAMA